



BERHASIL: Badrul Zaman memeriksa pokok kenafnya yang baru mengeluarkan bunga.



PROSES: Benih kenaf ditimbang sebelum dihantar ke ladang.

Oleh Mohd Rifaat Abd Hamid
bhnews@bharu.com.my

Kenaf ganti tembakau

Petani di Kedah beralih kepada tanaman boleh hasil pelbagai barangan

LANGKAH kerajaan mengurangkan tabiat merokok di kalangan penduduk di negara ini, turut memberi kesan kepada penanam tembakau terutama di Kedah, Kelantan dan Sabah yang menjadi kawasan pengeluar utama daun tembakau untuk diproses di negara ini.

Bagi menggantikan tanaman tembakau, petani diberi pilihan untuk mengusahakan tanaman pengganti supaya pendapatan mereka tidak terjejas berikutan langkah pengurangan itu.

Sejak beberapa tahun lalu, tanaman alternatif iaitu kenaf atau nama saintifiknya 'habiscus cannabinus' sebagai pengganti tembakau diperkenalkan di kawasan yang dulunya menjadi pengeluar utama tembakau.

Di Kedah, Lembaga Tembakau Negara (LTN) kini giat mempromosikan tanaman kenaf untuk diusahakan petani, khususnya bagi

menggantikan tembakau yang harga dan permintaannya didapati tidak lagi stabil di pasaran serta kurang menguntungkan.

Pegawai LTN Kedah, Abdul Aziz Ahmad, berkata tanaman kenaf yang berasal dari benua Afrika mempunyai potensi besar kerana batang dan kulitnya mempunyai serat berkualiti tinggi, boleh digunakan untuk menghasilkan pelbagai barangan.

Antara produk yang boleh dihasilkan, termasuk bahan berasaskan kertas, pakaian, bahan binaan, aksesori kereta, bahan bakar bio dan makanan ternakan.

"Oleh kerana kegunaan kenaf amat pelbagai, kita

meramalkan permintaan yang semakin meningkat di seluruh dunia, terutama bagi penghasilan bahan komposit.

"Tumbuhan ini adalah bahan organik perindustrian mesra alam yang diiktiraf oleh Protokol Kyoto sebagai berupaya mengurangkan pemanasan global," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Jitra, Kedah baru-baru ini.

Disebabkan kenaf masih baru di negara ini, Abdul Aziz berkata, LTN memfokuskan untuk menghasilkan benihnya daripada jenis V36, walaupun ia mempunyai 21 jenis pokok kenaf.

Kedah adalah kawasan

yang sesuai untuk tanaman kenaf, terutama bagi menghasilkan benih kerana musim kemarau yang panjang, iaitu dari Disember hingga Mac dan tempoh itu digunakan untuk penuaian biji benih atau batangnya sekali.

"Petani yang menyertai projek LTN ini diberikan kemudahan kredit, input pertanian dan khidmat nasihat bagi membolehkan mereka berjaya. Disebabkan belum ada kilang memproses kenaf, hasil tuaian dari Kedah dihantar ke kilang di Perlis untuk diproses dan digredkan," katanya.

Ketika projek penukaran tanaman itu dimulakan di

Kedah pada 2006, hanya tiga petani menyertai program itu membabitkan keluasan 7.4 hektar. Namun disebabkan kesedaran hasil tanaman kenaf lebih lumayan dan mudah ditanam, ia meningkat kepada 45 peserta dengan keluasan lebih 80 hektar.

"Pada tahun ini kita menyasarkan keluasan tanaman kenaf di Kedah untuk mendapatkan biji benihnya ditingkatkan kepada 150 hektar, terutama di Kubang Pasu, Pokok Sena, Padang Terap dan Sik sekali gus menjadikan negeri ini muncul pengeluar benih kenaf terbesar di negara ini," katanya.

Seorang penanam kenaf, Badrul Zaman Harun, 44, dari Pulau Nyior, Jitra berkata, tanaman itu mampu memberi pendapatan agak lumayan kerana beliau mampu meraih RM7,800 dalam masa enam bulan membabitkan keluasan satu hektar.

"Kenaf lebih mudah dijaga kerana lebih tahan serta tidak banyak penyakit dan ia boleh dituai sekali gus, berbanding tembakau yang daunnya terpaksa dipetik beberapa kali. Saya bercadang menambah keluasan tanaman kenaf pada masa depan dan sedang mencari kawasan sesuai," katanya.

Seorang lagi peserta, Hassan Chin, 54, dari Mukim

Gelong, Jitra berkata, potensi kenaf untuk menjadi komoditi eksport utama negara ini memang besar jika diusahakan dalam skala besar terutama di tanah terbiar.

"Saya mendapat tahu permintaan serat kenaf di luar negara amat tinggi dan ia memberi peluang kepada kita untuk mengusahakannya.

"Tanaman ini juga boleh dituai dalam masa yang singkat, iaitu antara satu hingga enam bulan mengikut kesesuaian dan kegunaan," katanya yang mengusahakan 1.4 hektar tanaman itu dan mampu menjana pendapatan RM11,600 semusim melalui penjualan biji benih seberat lebih 580 kilogram.

“Tumbuhan ini adalah bahan organik perindustrian mesra alam yang diiktiraf oleh Protokol Kyoto sebagai berupaya mengurangkan pemanasan global”

Abdul Aziz Ahmad
Pegawai LTN Kedah



BERMUTU: Pembantu makmal, Nor Azura Ismail menunjuk benih kenaf yang baru diproses.

FAKTA NOMBOR

80

Hektar

Keluasan kawasan tanaman kenaf sekarang

150

Hektar

Keluasan sasaran kawasan tanaman kenaf